

TARIKH	05 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	sempat

# Doa ingatan suami pulih

Warga emas akur tak dapat tunai haji bersama pasangan



**Lambaian Kaabah**

>>Oleh **Fazurawati Che Lah**  
fazurawati@hmetro.com.my

**K**ELANA JAYA: "Saya mahu berdoa untuk suami supaya dia kembali sihat dan ingatannya pulih," kata bakal haji, Teh Bachik, 75, dari Bukit Beruntung, Selangor.

Katanya, dia mahu suaminya, Mohd Jani Mahmood, 82, yang mengalami masalah saraf di bahagian otak kembali sihat selepas tiga tahun mengalami penyakit itu.

"Akibat penyakit itu, suami tak mampu mengingati beberapa perkara walaupun perkara itu berada di sekelilingnya. Keadaan itu juga menyebabkan percakapannya terbatas.

"Sejak menderita penyakit itu, jarang sekali kami bersembang serta ketawa seperti dulu dan dia banyak berdiam



**KASIH ISTERI...Teh bersama suaminya, Mohd Jani.**

kerana kadang-kadang dia tak dapat bercakap dengan elok," katanya.

Katanya, sepatutnya pementrian ke Tanah Suci untuk menunaikan Rukun Islam Kelima itu bersama suaminya, tetapi dia akur kerana suami tidak dapat bersama mengerjakan haji.

"Saya reda dengan keadaan sekarang dan sebagai pengganti suami, anak sulung, Siti Rohani, 59, mengiringi saya

di sana.

"Fokus kini kami mahu mendapatkan haji mabrur dan berdoa di hadapan Kaabah supaya kesihatan suami bertambah baik selain untuk kesejahteraan keluarga," katanya.

Teh berkata, dia sudah dua kali menolak tawaran Tabung Haji (TH) pada tahun lalu dan 2010 untuk menunaikan haji kerana tidak sanggup meninggalkan suami yang sakit.